

JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (046-058)**Kekuasaan dan Ideologi dalam Merdeka Belajar-Kampus Merdeka: Satu Kajian Analisis Wacana Kritis**¹N. Lia Marlina, ²Mohammad Fadzeli Jaafar, & ³Harishon Radzi¹nliamarlana2929@gmail.com, ²fadzeli@ukm.edu.my, ³naslin@ukm.edu.my¹Universitas Negeri Jakarta,
²³Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 19 Ogos 2024
 Received
 Terima untuk diterbitkan : 25 Disember 2024
 Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
 Published online

Abstrak

Kajian wacana pedagogi dicirikan dengan penggunaan data kelas dan analisis penggunaan bahasa sebenar pensyarah dan pelajar. Kajian lepas mengenai dasar Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MBKM) di Indonesia setakat tinjauan literatur dan belum mengkaji praktis sosial dengan pendekatan analisis wacana kritis (AWK). Oleh itu, kajian ini akan menganalisis praktis sosial dalam dasar MBKM berdasarkan perspektif AWK. Kajian ini menumpukan penjelasan praktis kekuasaan dan ideologi dalam wacana pedagogi MBKM berdasarkan pendekatan AWK Fairclough (2013) yang terdiri dari dimensi tekstual, amalan wacana, dan praktis sosial. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan merupakan satu kajian kes di salah sebuah universiti di Jakarta. Kajian ini memanfaatkan kaedah rakaman bagi 4 kursus secara dalam talian dengan jumlah pelajar seramai 29 orang dan kaedah temu bual. Hasil kajian mendapati wujud praktis kekuasaan dan ideologi yang memberi kesan positif dan negatif dalam implementasi MBKM. Disimpulkan, implementasi MBKM bertujuan meneruskan kekuasaan dan ideologi yang ditanamkan pemerintah melalui proses PdP kepada pelaksanaan kurikulum di Indonesia. Kajian ini berjaya menambah baik kajian wacana pedagogi terdahulu melalui pendedahan praktis sosial dari perspektif linguistik. Penggunaan AWK dalam wacana pedagogi membawa perubahan sosial bagi masyarakat akademik di Indonesia, serta menyumbang kepada disiplin linguistik, penambahbaikan pedagogi pensyarah dan implementasi kurikulum.

Kata Kunci: kekuasaan dan ideologi; MBKM; wacana pedagogi; analisis wacana kritis***Power and Ideology in the Independent Learning-Independent Campus (MBKM): A Study of Critical Discourse Analysis*****Abstract**

The study of pedagogical discourse is characterized by the use of classroom data and the analysis of the actual language use of lecturers and students. The past study on the Independent Learning-Independent Campus (MBKM) policy in Indonesia has been a literature review. It has not examined social practice with a critical discourse analysis (CDA) approach. Therefore, this study will analyze social practices in MBKM policies based on CDA's perspective. This study focuses on the practical explanation of power and ideology in the pedagogical discourse of MBKM based on the CDA's Fairclough (2013) approach, which consists of textual dimensions, discourse practices, and social practices. This study uses a qualitative design and is a case study at a university in Jakarta. This study utilized the recording method for four online courses with a total of 29 students and the interview method. The results of the study found that there were social practices of power and ideology that had a positive and negative impact on the

implementation of MBKM. It was concluded that the implementation of MBKM aims to continue the power and ideology instilled by the government through the teaching and learning process to implement the curriculum in Indonesia. This study successfully improved the study of previous pedagogical discourses through exposure to social practices from a linguistic perspective. The use of CDA in pedagogical discourse brings social change to the academic community in Indonesia, as well as contributes to linguistic disciplines, improves lecturers' pedagogy, and improves the implementation of the curriculum.

Keywords: *power and ideology; MBKM; pedagogical discourse; Critical Discourse Analysis*

1. Pengenalan

Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MBKM) merupakan dasar yang dianjurkan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia di seluruh pengajian tinggi di Indonesia (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia 2024). Kajian lepas mengenai dasar Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MBKM) di Indonesia setakat penyemakan tahun 2020-2023 sebagai tinjauan literatur dan bukan merupakan kajian wacana pedagogi kerana tidak menggunakan data kelas dan tidak menganalisis penggunaan bahasa sebenar pensyarah dan pelajar. Kajian MBKM pun tidak mendedahkan praktis sosial dengan pendekatan analisis wacana kritis (AWK). Kajian ini akan menambah baik kajian lepas mengenai MBKM dan kajian wacana pedagogi yang belum secara berpadu meneroka praktis sosial di sebalik wacana berkenaan dengan pendekatan AWK dan belum mengaitkan dengan kurikulum. Wacana pedagogi tidak hanya amat penting dikaji secara kritis dengan pendekatan AWK Fairclough, tetapi juga amat penting dikaitkan dengan kurikulum. Hal ini kerana analisis wacana pedagogi amat berguna dalam meneliti keberkesanaan kaedah PdP dan jenis interaksi pensyarah-pelajar (Richards & Schmidt 1992). Chouliaraki (1998) pula menekankan bahawa fitur teks atau wacana pedagogi yang dianalisis boleh membekalkan pengetahuan yang berguna terhadap pemahaman hubungan antara pedagogi dan praktisnya.

Kajian wacana pedagogi dapat dianggap sebagai kajian yang memberi sumbangan dan pembaharuan terhadap kajian linguistik, terutamanya kajian wacana daripada perspektif AWK di Indonesia yang pro-kurikulum. Aspek linguistik sangat penting dalam kajian wacana pedagogi kerana memandangkan bahasa sebagai sarana utama untuk memahami dan meneroka struktur kuasa, ideologi, dan relasi sosial dalam masyarakat pendidik di Indonesia. Linguistik memungkinkan pengkaji membongkar kekuasaan dan ideologi di dalam kelas dan di sebalik MBKM melalui struktur teks, proses penghasilan wacana, serta konteks sosial. Oleh itu, kajian wacana pedagogi MBKM ini merupakan Kajian AWK yang Pro-Kurikulum (KPK) yang menjadi kajian pembaharuan di Indonesia. Artikel ini memanfaatkan pendekatan AWK Fairclough (2013) untuk meneroka praktis sosial di sebalik wacana pdagogi MBKM.

2. Sorotan Literatur

Dalam banyak kes, AWK mengubah praktik diskursif dan praktik penggunaan bahasa (Fairclough 2013). Matlamat utama dalam AWK Fairclough untuk meneroka proses kuasa dan ideologi dalam wacana dan cuba memahami ciri-ciri struktur yang dimiliki oleh pewacana yang terlibat dalam proses ini daripada teks (Kucukaydin 2019). Dalam konteks wacana pedagogi dalam MBKM ini, kuasa melibatkan pensyarah dan kumpulan pelajar di dalam kelas dalam bentuk tindakan atau kognisi yang dibatasi di bawah tuntutan kurikulum pemerintah, iaitu kurikulum dalam MBKM. Di dalam kelas, pensyarah mempunyai peluang untuk berkuasa terhadap pelajar. Kuasa dalam konteks wacana pedagogi MBKM menekankan kuasa yang digunakan secara positif di dalam kelas dan harus menyumbang kepada hubungan dengan pelajar kerana orang yang mempunyai kuasa tidak boleh menggunakan kuasa mereka secara adil dan rasional (Bolman & Deal 2008 dalam Hoşgörür & Yorulmaz 2016). Kuasa itu sendiri boleh mengukuhkan struktur sesebuah organisasi/institusi, memantapkan norma-normanya, dan menjamin kesinambungan (Tang Keow & Abdul Ghani 2007). Oleh itu, di dalam kelas, kuasa pensyarah diperlukan untuk menjalankan tanggung jawabnya sebagai “mahaguru”, pemimpin, dan pengelola kelas. Manakala ideologi berasal dari perkataan ‘*idea*’, yang bererti idea, konsep, takrif, dasar, idea asas, atau cita-cita; dan ‘*logos*’ yang bererti ilmu. Ideologi bermakna

ilmu pengetahuan tentang idea atau ajaran tentang pengertian asas. (Lau et al. 1991; Dawson 2001; Martin 2015). Yang dimaksudkan ideologi dalam konteks wacana pedagogi MBKM ini merujuk kepada sebarang idea, pandangan, pemikiran, yang terdapat pada individu dan institusi kecil atau besar. Ideologi merupakan idea dan berlaku pula dalam bentuk material yang berfungsi membentuk orang sebagai subjek sosial dan pada masa yang sama memberi pemikiran sebagai ejen bebas (Althusser 1971 dalam Fairclough, 1992). Dalam konteks MBKM ini, ideologi dapat bermakna idea, pandangan, dan pemikiran daripada individu pensyarah (termasuk pelajar), pengajian tinggi sebagai institusi kecil pelaksana MBKM, termasuk Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset, Teknologi, dan Pendidikan Tinggi Republik Indonesia sebagai pengajur MBKM. Hodge dan Kress (1993) mengukuhkan bahawa ideologi tergambar dalam praktis sosial di sebalik wacana (Roscoe 2019). Agar pengkaji dapat melihat adanya ideologi di sebalik wacana, Wodak (1996) mencadangkan bahawa pengkaji perlu mengambil kira penafsiran teks dan kesan terhadap sosial teks berkenaan. Maknanya, diperlukan analisis praktis sosial untuk dapat “membongkar” adanya kekuasaan dan ideologi di sebalik wacana MBKM, selain analisis teks dan amalan wacananya.

Berdasarkan semakan, setakat tahun 2020-2023, terdapat kajian terdahulu yang bukan wacana pedagogi, namun memberi tumpuan analisis kepada MBKM, di antaranya dikaji oleh Maman (2020), Sigit dan Nilna (2020); Budi (2020); Muhammad R. (2021); Rodiyah (2021); Muhamad dan Imam (2022); dan Ahmad (2022); yang setakat sebagai kajian literatur dengan mempersoalkan impak positif dan negatif apabila MBKM dijalankan di seluruh pengajian tinggi di Indonesia bermula 2021 dalam masa pandemik Covid-19 beserta cadangan penyelesaiannya. Maknanya, kajian semacam ini tidak menganalisis MBKM daripada perspektif linguistik dengan menggunakan pendekatan AWK. Terdapat pula kajian MBKM yang telah menganalisis dengan AWK Fairclough, tetapi menggunakan data teks media, bukan data kelas, Kajian semacam ini dikaji oleh Eko (2022) dan Elsa et al. (2023). Manakala terdapat kajian lepas dengan AWK antara tahun 2019-2022) yang memberi tumpuan sama ada kepada praktis kekuasaan atau ideologi sebagai dapatan kajian dalam wacana pedagogi, baik di peringkat sekolah mahupun di pengajian tinggi. Kajian sedemikian dikaji oleh kajian Inne et al. (2019); Asrianti (2019); Markus et al. (2020); Tian dan Dumlaio (2020); Ariani (2020); Rahmatika dan Malikatul (2021); Abeti (2021); serta Dewa Gede dan Ida (2021). Namun, kesemua kajian lepas ini memiliki kelompangan tidak secara mendalam meneroka praktis kekuasaan dan tidak mengaitkan dengan kurikulum. Tentu sahaja kajian semacam ini tidak akan memberikan sumbangan yang sepenuhnya dan maklumat yang cukup memadai bagi ilmu dan masyarakat apabila analisis wacana pedagogi tidak secara berpada. Maknanya, dapatan kajian mengenai praktis kekuasaan tidak sampai memberi manfaat bagi pengemasan kurikulum wacana pedagogi berkenaan. Oleh itu, demi menambah baik kajian terdahulu, kajian ini akan menjelaskan praktis kekuasaan dan ideologi dalam wacana pedagogi MBKM dengan mengaplikasi kerangka teori AWK Fairclough (2013).

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana kajian ini memberikan perspektif keadaan tertentu dan penerangan terperinci yang menunjukkan keupayaan pengkaji untuk menggambarkan fenomena kajian (Stake 1995; Creswell 2013). Kajian kualitatif dalam wacana pedagogi dengan pendekatan AWK ini pula merupakan satu kajian kes di salah sebuah universiti awam di Jakarta yang mengimplementasikan MBKM. Kaedah rakaman sesi PdPR semasa pandemik Covid-19 dilakukan terhadap empat kursus sebanyak 20 sesi tahun akademik 2022/2023 melalui *zoom*. Seramai 29 pelajar ditemu bual untuk mendapatkan sokongan data mengenai penerapan MBKM di dalam kelas. Soalan dalam temu bual merangkumi aspek: a. Rancangan Pembelajaran Semester (RPS); b. berfikir kritis; c. pendekatan pembelajaran; dan d. MBKM.

Dalam memilih data wacana, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan (Creswell 2013). Pemilihan sampel bertujuan ini amat sesuai kerana sampel yang dipilih mengandungi maklumat dan data yang ingin dikaji. Rakaman sesi PdPR ditranskripsi sehingga menghasilkan dua puluh teks tulisan. Teks

kemudian dianalisis berdasarkan tiga dimensi AWK Fairclough (2013), iaitu: dimensi tekstual, amalan wacana, dan praktis sosial. Fokus analisis struktur wacana berdasarkan pemerihalan dimensi tekstual melalui sistem ambil gilir, sistem kawalan topik, dan jenis ayat tanya. penafsiran dimensi amalan wacana yang melibatkan intertekstualiti dan interdiskursiviti (penggunaan pelbagai jenis wacana, iaitu eksplanatori, instruktif, argumentatif, persuasif, dan deskriptif (Werlich, 1975 dalam Renkema, 2004) di antara pensyarah dengan pelajar, kemudian dijelaskan proses sosial wacana. Artikel ini menumpukan analisis pada dimensi praktis sosial kekuasaan dan ideologi, iaitu usaha menjelaskan mengapa dan bagaimana praktis kekuasaan dan ideologi dalam MBKM berlaku. Fokus analisis wacana pedagogi digambarkan dalam Rajah 1 berikut.

Rajah 1

Analisis Wacana Pedagogi dalam MBKM



4. Dapatan dan Perbincangan

Sesi PdP di dalam kelas amat berkaitan rapat dengan kurikulum semasa. Implementasi kurikulum di bawah dasar Kampus Merdeka turut membayangi segala amalan pensyarah dan pelajar di dalam kelas. Pensyarah berusaha menjalankan proses PdP sejalan dengan tuntutan Kampus Merdeka. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa praktis kekuasaan dan ideologi di dalam kelas akan bertalian rapat dengan dasar Kampus Merdeka yang dijalankan dan menjadi panduan pembelajaran.

Kajian ini mendapati praktis kekuasaan dan ideologi dalam PdPR di bawah MBKM melalui aspek-aspek berikut: a. Rancangan Pembelajaran Semester (RPS); b. berfikir kritis; c. pendekatan pembelajaran; dan d. MBKM. Seterusnya, artikel ini menumpukan perbincangan keempat-empat aspek berkenaan disertai contoh dimensi tekstual dan dimensi amalan wacana untuk menjelaskan dimensi praktis sosial kekuasaan dan ideologi dalam MBKM.

a. Rancangan Pembelajaran Semester

Rancangan Pembelajaran Semester (RPS) termuat dalam temu bual nombor satu dan dua. RPS merupakan asas dan panduan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas sesuai Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Nombor 3 Tahun 2020, Pasal 12. Oleh itu, RPS MBKM

menjadi panduan bagi pensyarah dan pelajar untuk menjalankan proses pembelajaran. Terdapat praktis kekuasaan dan ideologi daripada pemerintah Indonesia melalui dokumen RPS MBKM yang menjadi bahagian utama dalam kurikulum yang wajib diterapkan di dalam kelas oleh pensyarah dan pelajar sebagaimana diatur dalam Peraturan Menteri.

Berdasarkan data sesi PdPR dalam empat kursus didapati bahawa pensyarah telah memberikan RPS dan menjelaskan RPS secara lengkap kepada pelajar sebelum memulakan pembelajaran. Perkara ini juga dibuktikan berdasarkan data rakaman sesi PdPR melalui amalan pensyarah berbicara secara instruktif. Wacana instruktif merupakan wacana yang bersifat mengarahkan, sama ada memberi panduan, peraturan, atau statut (Werlich 1982 dalam Renkema 2004). Pensyarah memberi arahan secara jelas mengenai tahap pembelajaran sebagaimana termuat dalam RPS kursus kepada pelajar. Amalan pensyarah ini menunjukkan adanya kuasa pensyarah di dalam kelas. Berkaitan kesesuaian RPS dengan bahan pembelajaran yang disampaikan pensyarah di dalam kelas, didapati amalan pensyarah menjelaskan bahan pembelajaran pada empat kursus secara lengkap dan jelas di dalam kelas sesuai dengan RPS. Amalan pensyarah ini menunjukkan adanya penggunaan intertekstualiti dan interdiskursiviti. Menurut Fairclough (1992), intertekstualiti bersumber daripada teks-teks lain bagi menghasilkan teks baru. Dalam kajian ini, intertekstualiti berlaku melalui respons pensyarah terhadap teks lain (RPS sebagai dokumen kurikulum). Interdiskursiviti memfokuskan pada penghasilan teks dan bertujuan mengenal pasti pelbagai jenis wacana (instruktif, eksplanatori, naratif, argumentatif, dan deskriptif) yang dimanfaatkan pensyarah dalam penghasilan teks selama PdPR sesuai tuntutan MBKM. Pensyarah menjelaskan bahan pembelajaran sesuai dengan dokumen kurikulum yang menjadi garis panduan pembelajaran MBKM untuk satu semester. Respons pelajar melalui temu bual memperkukuh dapatan adanya penerangan pensyarah selama satu semester mengenai bahan pelajaran telah sesuai dengan RPS. Kekuasaan dan ideologi pensyarah dibayangkan oleh amalan pensyarah menjalankan proses PdPR mengikut RPS sesuai dengan Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Nombor 3 Tahun 2020 Pasal 13, Ayat (2) yang menyatakan bahawa proses pembelajaran di setiap kursus dilaksanakan sesuai RPS. Berikut contoh amalan pensyarah menjelaskan panduan pembelajaran sebagaimana termuat dalam RPS MBKM.

Contoh (1) Amalan Pensyarah Berbicara Secara Instruktif

Tukaran	Gerakan	Lakuan	Penutur	Ujaran
39	91	Pemula	Ps6	Saya izin <i>sharescreen</i> untuk RPS, kalian bisa lihat.
40	92	Pemula	Ps6	Kita berkuliah selama 3 SKS dimulai pukul 08.00 sampai 10.30 dengan substansi atau kajian yang terdiri dari konsep-konsep perencanaan pembelajaran Bahasa Indonesia.
	93	Maklumat	Ps6	Fokus pada yaitu kesatu, bagaimana merencanakan pembelajaran Bahasa Indonesia
	94	Maklumat	Ps6	Kedua, konsep kompetensi.
	95	Maklumat	Ps6	Ketiga, konsep capaian pembelajaran.
	96	Maklumat	Ps6	Keempat, tujuan pembelajaran indikator pencapaian kompetensi, sumber dan bahan ajar Bahasa Indonesia, serta langkah-langkah pembelajaran Bahasa Indonesia yang itu ada dalam modul ajar.
41	97	Pemula	Ps6	Kemudian capaian lulusan pembelajarannya ini berarti subjeknya adalah kalian.
	98	Soalan	Ps6	Kemudian apa capaian pembelajaran kuliahnya?
	99	Maklumat	Ps6	Nah ini nanti yang berhubungan dengan konsep perencanaan pembelajaran, merumuskan konsep terlebih dahulu dari mulai CP, TP, ATP sampai modul.

Petikan Data Teks 9 (T9)

Dalam Contoh (1) ini sekaligus pensyarah melibatkan representasi wacana dengan merujuk RPS untuk dikemukakan kepada pelajar. Representasi wacana dimulakan gerakan [91] sampai dengan gerakan [99] merupakan penghasilan semula ujaran pensyarah dengan memindahkan petikan komponen demi komponen yang termuat di dalam RPS. Representasi wacana merupakan bahagian intertekstualiti dalam dimensi amalan wacana (Fairclough 1992). Dalam data, pensyarah sebagai pewacana semasa merumuskan maklumat di dalam RPS dalam bahasanya sendiri sehingga mudah difahami pelajar.

b. Berfikir Kritis

Kemahiran berfikir kritis menjadi salah satu bahagian yang penting dalam implementasi MBKM. Aspek ini turut menjadi soalan kepada pelajar kerana berfikir kritis berbeza daripada berfikir biasa. Menurut Bhisma Murti (2020), berfikir kritis adalah proses pemikiran intelek yang sengaja menilai kualiti pemikiran seseorang, dengan sengaja menilai pemikiran yang reflektif, bebas, telus, dan rasional. Terdapat tiga syarat pelajar yang dikategorikan memiliki pemikiran kritis, iaitu: i. sikap menggunakan pemikiran yang dalam untuk melihat persoalan dengan menggunakan pengalaman dan bukti yang sedia ada; ii. pengetahuan tentang metod bertanya dan mengemukakan alasan dengan logik; iii. kemahiran untuk menerapkan metod sebagaimana dalam i dan ii. Oleh itu, pensyarah perlu memberi peluang kepada pelajar untuk mencungkil kemahiran berfikir kritis pelajar. Berkaitan dengan kemahiran berfikir kritis, didapati dalam data rakaman sesi PdPR bahawa pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk aktif dan berfikir kritis di dalam kelas melalui: i. aktiviti soal jawab pensyarah kepada pelajar, pelajar kepada pensyarah dan pelajar kepada pelajar lain yang melibatkan idea, minda, dan kemahiran berfikir kritis; ii. perbincangan kumpulan; dan iii. peluang kepada pelajar untuk memberi cadangan dan penilaian kepada pelajar lain selepas pembentangan. Amalan pensyarah ini menunjukkan praktis kekuasaan yang positif di dalam kelas kerana memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar untuk aktif dan berfikir kritis terkait bahan pembelajaran. Kekuasaan pensyarah menghasilkan ideologi berupa idea, pandangan, dan pemikiran pensyarah mengenai strategi pensyarah dalam mengaktifkan pelajar dan membuat pelajar berfikir kritis dilakukan salah satunya dengan ayat tanya terbuka, sebagaimana Contoh (2) berikut.

Contoh (2) Amalan Pensyarah Mengemukakan Ayat Tanya Terbuka

Tukaran	Gerakan	Lakuan	Penutur	Ujaran
90	214	Pemula	Ps8	Oke baik, menurut anda berdua, menurut Nadia dan menurut Novita, apa yang menarik dalam buku tersebut?
				E ... iya Bu, dari saya dulu ya Bu.
				Iya.
91	217	Pemula	P21	Saya juga e... mengutip dari dalam buku ini sudah di <i>highlight</i> dalam buku ini menurut saya itu karena e... sempat gitu, sempat e... buku semantik atau pembahasan semantik ini kurang diperhatikan oleh orang banyak ya karena objek studinya itu makna ya. Mungkin dianggapnya pada saat itu sangat sukar ditelusuri, dianalisis strukturnya.
92	218	Maklumat	P21	Beda lagi dengan morfem gitu kalau morfem kan strukturnya sudah tampak jelas dan e... jadi dapat di segmen-segmenkan kan.
93	219	Pemula	P21	Nah, terus sekarang keadaannya hanya tuh udah berbalik Bu.
				Jadi mungkin di sisi semantik dianggap sebagai komponen bahasa yang tidak dapat dilepaskan dalam pembicaraan linguistik,

	222	Maklumat	P21	Itu saja yang menjadi kutipan dari saya.
	223	Komen	Ps8	Oke baik.
94	224	Pemula	Ps8	Kalau menurut Novita bagaimana?
	225	Respons	P6	Ya baik bu e...kalau menurut saya e ... hampir sama dengan yang dikatakan Nadia, di mana e ... apa semantik ini yang mulanya e..kurang diperhatikan karena ya e..untuk apa objek studi itu dianggap e..sangat sukar atau e..literasi dan analisis strukturnya itu—
95	226	Pemula	P6	Ee...maaf Bu, suara saya terdengar Bu?
	227	Respons	Ps8	Terdengar, terdengar.

Petikan Data Teks 18 (T18)

Contoh (2) memperlihatkan amalan pensyarah mengemukakan ayat tanya terbuka kepada pelajar dalam gerakan [214] dengan kata tanya ‘apa’. Penerangan pelajar pertama secara panjang lebar dikemukakan kepada pensyarah dalam gerakan [217] hingga [222]. Manakala pelajar kedua menyampaikan dengan tidak lancar dan tergagap-gagap. Hal ini dicirikan dengan adanya penggunaan “e...” secara berulang. Meskipun pelajar kedua merespons dengan tergagap-gagap, namun amalan pensyarah mengemukakan ayat tanya terbuka ini berjaya direspons kedua-dua pelajar dengan penerangan yang melibatkan minda dan kemahiran berfikir kritis mengenai sebab pelajar membaca buku tersebut. Amalan pensyarah mencungkil minda pelajar dengan ayat tanya terbuka ini merupakan upaya untuk mengaktifkan pelajar dan membangunkan kemahiran berfikir kritis pelajar di dalam kelas. Hal ini disokong dalam kajian Lia Yuliana (2010) bahawa perubahan kepada pelajar yang semula pasif menjadi aktif di dalam kelas ialah kerana peranan pensyarah yang banyak mencungkil interaksi pelajar. Oleh itu, pensyarah perlu membangunkan kemahiran bertanya sehingga pelajar terlibat aktif mengemukakan soalan, merespons soalan, dan berfikir kritis. Aktiviti menyoal-jawab di dalam kelas di antara pensyarah dengan pelajar menunjukkan adanya interaksi kelas yang dinamik dan multi-hala sebagaimana tuntutan MBKM. Pensyarah sebagai pemudah cara di dalam kelas dengan mencungkil respons pelajar. Keadaan ini juga menunjukkan praktis kekuasaan pensyarah di dalam kelas sehingga dapat memberi kesan positif ideologi MBKM kepada pelajar. Kemahiran berfikir kritis pelajar justeru boleh menjadi alat untuk menilai ideologi secara objektif, mengenal pasti kekurangan dan kelebihan dalam ideologi MBKM secara kritis. Manakala pelajar yang tidak memiliki kemahiran berfikir kritis tidak akan mampu memhami secara kritis adanya ideologi dalam MBKM.

c. Pendekatan Pembelajaran

Praktis kekuasaan dan ideologi MBKM digambarkan melalui pendekatan atau kaedah yang digunakan pensyarah dalam proses PdP di dalam kelas di bawah MBKM yang diatur dalam Ayat (2) Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Nombor 3 Tahun 2020 tentang Standard Pendidikan Tinggi. Pendekatan pembelajaran dalam MBKM merangkumi perbincangan kumpulan, simulasi, kajian kes, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran kooperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, atau kaedah pembelajaran lain (Maman Suryaman 2020). Soalan keempat mengenai kesan pendekatan pembelajaran terhadap kemahiran berfikir kritis pelajar. Berdasarkan data rakaman sesi PdPR yang disokong pula dengan dapatan temu bual, didapati pensyarah kerap melakukan pendekatan pembelajaran dengan memposisikan dirinya sebagai pelajar sehingga pelajar berasa selesa dan seronok menerima penjelasan pensyarah. Pensyarah melibatkan perbincangan kumpulan, simulasi, kajian kes, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran kooperatif, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, dan konstruktivisme. Pendekatan konstruktivisme, iaitu kaedah pembelajaran yang mengaktifkan pelajar untuk membina konsep berdasarkan hasil pembacaan dan perbincangan kumpulan, serta pelajar menyimpulkan bahan pembelajaran. Kemudian, di akhir pembelajaran, pensyarah melakukan

konfirmasi dengan mengukuhkan dan menambah penjelasan mengenai sesuatu konsep. Pendekatan pensyarah dalam dimensi amalan wacana diperlihatkan melalui amalan pensyarah berbicara secara eksplanatori, deskriptif, naratif, dan argumentatif, serta amalan pensyarah memberi pancingan melalui teknik pencungkulan respons dalam wacana pedagogi MBKM. Berikut contoh pensyarah berbicara secara eksplanatori yang menunjukkan pendekatan pembelajaran konstruktivisme di dalam kelas.

Contoh (3) Amalan Pensyarah Berbicara Secara Eksplanatori

Tukaran	Gerakan	Lakuan	Penutur	Ujaran
69	178	Pemula	P14	Baik jika tidak ada mungkin saya tutup pemaparan dari kelompok 2.
	179	Permohonan maaf	P14	Kurang lebihnya mohon maaf.
	180	Salam Penutup	P14	Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
70	181	Pemula	Ps	Oke kelompok 2 sudah dikembalikan ke saya ini?
	182	Respons	Semua P	Iya, sudah ibu.
	183	Komen	Ps	Oke
71	184	Pemula	Ps	Terima kasih kepada kelompok 2 yang tadi sudah memaparkan materinya terkait tujuan dan ruang lingkup sosiolinguistik ya.
	185	Pujian	Ps	Tadi ada beberapa pertanyaan dari kawan-kawan juga sudah dijawab dengan sangat baik oleh tim penyaji gitu ya.
72	186	Pemula	Ps	Mengenai tujuan dan ruang lingkup sosiolinguistik, jadi sebenarnya sosiolinguistik itu apa?
	187	Maklumat	Ps	Sosiolinguistik itu kan untuk menelaah semua peristiwa bahasa dalam konteks sosial, makanya tadi terus muncul pertanyaan Imadudin yang mengatakan bahwa tingkat sosial seseorang itu berpengaruh nggak terhadap penggunaan bahasa seseorang itu sendiri.
.....				
75	196	Pemula	Ps	Jadi ruang lingkup sosiolinguistik itu tentunya untuk menelaah bahasa yang digunakan seseorang sehari-hari ketika ia berkomunikasi baik dengan keluarga, teman, tetangga.
	197	Percontohan	Ps	Kemudian bahkan kepada orang yang tidak dikenal pun, misalnya nanya alamat nih ke orang yang tidak dikenal.
	198	Kesimpulan	Ps	Jadi tadi itu adalah ruang lingkup dari kajian sosiolinguistik.

Petikan Data Teks 3 (T3)

Seterusnya, berdasarkan ketiga-tiga pendekatan yang menjadi amalan pensyarah di dalam kelas, memberi kesan kepada pelajar semakin berminat terhadap bahan pembelajaran. Pelajar mendapatkan pemahaman daripada pensyarah yang menjelaskan secara baik sehingga menjadi lebih berminat untuk belajar lebih dalam. Pensyarah tidak hanya menjelaskan, tetapi disertai contoh yang sesuai konteks kehidupan dalam masyarakat. Pensyarah menjelaskan dengan pelbagai aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan mengenai Kurikulum Merdeka sehingga pelajar menjadi faham dan berminat dengan bahan pembelajaran untuk diterapkan apabila menjadi guru. Praktis kekuasaan dan ideologi membayangi amalan pensyarah ini di dalam kelas. Hal ini tergambar pula dalam amalan pensyarah berbicara dalam pelbagai jenis wacana di dalam kelas, sebagaimana contoh (4) berikut.

Contoh (4) Amalan Pensyarah Berbicara Secara Naratif

Tukaran	Gerakan	Lakuan	Penutur	Ujaran
93	331	Pemula	Ps2	Misal kamu sedang berkomunikasi.
	332	Percontohan	Ps2	Alya dan Sonia sedang berkomunikasi lalu datang misal Nasya emm Alya dan Sonia ketika sedang berkomunikasi tidak ingin Nasya tau apa yang kalian bicarakan.
	333	Percontohan	Ps2	Emm... Alya dan Sonia ketika sedang berkomunikasi tidak ingin Nasya tau apa yang kalian bicarakan.
	334	Percontohan	Ps2	Jadi kalian menggunakan bahasa asing karena kalian tahu Nasya tidak bisa bahasa asing
	335	Kesimpulan	Ps2	Jadi itu bisa dikaji apa yang menyebabkan alih kode itu terjadi

Petikan Data Teks 1 (T1)

Berdasarkan Contoh (4), pensyarah memberi percontohan dengan melibatkan pelajar apabila sedang berkomunikasi. Gerakan [332], [333]. [334] menunjukkan contoh yang amat dekat dengan kehidupan pelajar semasa berkomunikasi dengan rakan pelajar lain. Ketiga-tiga gerakan ini memperlihatkan pendekatan pensyarah dengan mengamalkan berbicara secara naratif untuk mendapat sebuah kesimpulan bahawa perbualan tersebut merupakan contoh *code switching* atau pertukaran kod. Perkara ini menunjukkan wujudnya kekuasaan pensyarah untuk menentukan pendekatan dan kaedah pembelajaran di dalam kelas.

d. MBKM

Merdeka Belajar-Kampus Merdeka (MBKM) adalah dasar yang memuat program pemerintah Indonesia yang mengarah kepada pendidikan tinggi (Krisna 2021). Dalam MBKM terdapat pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran di luar universiti, termasuk i. latihan amali; ii. projek khidmat masyarakat di kampung (membina kampung); iii. latihan mengajar di sekolah; iv. pertukaran pelajar; v. penyelidikan; vi. keusahawanan; vii. projek bebas; dan viii. projek kemanusiaan. Semua aktiviti ini menjadi ideologi yang perlu dijalankan pelajar dengan bimbingan daripada pensyarah. MBKM dijangka menyediakan pengalaman secara kontekstual kepada pelajar dengan turun padang sehingga akan meningkatkan kecekapan pelajar secara keseluruhan, bersedia untuk bekerja, atau mewujudkan kerjaya baru bagi orang lain. Berkaitan dengan hal tersebut, soalan keenam-kelapan mengenai pandangan pelajar terhadap implementasi MBKM. Ketiga-tiga soalan ini amat penting bagi menjaring data terkait praktis sosial di sebalik MBKM, selain dapat mengukuhkan lagi praktis kekuasaan di dalam kelas.

Berdasarkan data temu bual kepada pelajar, didapati perbezaan dalam perkuliahan dengan MBKM dengan sebelumnya yang tidak menggunakan MBKM. Hal ini kerana banyaknya manfaat yang diperoleh pelajar dalam MBKM dengan mendapat pengalaman baru, kawan baru dan dapat bertukar fikiran dengan pelajar dari pengajian tinggi lain, mendapat ilmu baru melalui metod pembelajaran yang berbeza daripada pensyarah dari kampus lain, menarik, dan sangat bermanfaat. Selain itu, pelajar mendapat peluang mengikuti program MBKM yang pelbagai. Pelajar menyatakan bahawa MBKM memberikan banyak tawaran program yang positif kepada pelajar, seperti pertukaran pelajar, latihan amali, keusahawanan, penyelidikan, mengajar di sekolah, projek bebas, program kemanusiaan, dan khidmat masyarakat di kampung. Setiap pelajar boleh memilih lebih dari satu program MBKM. Pelajar memiliki kebebasan untuk memilih pelbagai aktiviti dan program dalam MBKM. Tentu hal ini akan memberi pengalaman yang berbeza bagi pelajar. Pelajar sangat bersemangat (antusias) memilih program pertukaran pelajar ke pengajian tinggi lain, iaitu program latihan amali sesuai bidang yang diminati pelajar. Pelajar sebagai calon

guru bahasa Indonesia juga ramai memilih program latihan mengajar di sekolah. Seterusnya, pelajar juga berminat dengan program membina kampung dan projek kemanusiaan kerana kedua-dua program ini sememangnya sama-sama berinteraksi dengan masyarakat awam. Tambahan pula, pelajar memilih program penyelidikan, program projek bebas (*independent project*), dan program keusahawanan.

Praktis kekuasaan dan ideologi MBKM terlihat melalui keinginan pemerintah meningkatkan aksesibiliti pendidikan tinggi kepada pelajar dan masyarakat. Aktiviti di luar kelas membuka peluang pelajar berinteraksi langsung dengan masyarakat tanpa mengira latar belakang sosial dan ekonomi untuk mencapai tujuan akademik mereka. Tujuan ini dapat dicapai melalui pelbagai program dalam MBKM. Berdasarkan respons pelajar mengenai pelbagai program dalam MBKM, praktis kekuasaan dan ideologi melalui implementasi MBKM ini menghasilkan sesuatu yang positif bagi berlakunya proses PdP sesuai dengan matlamat MBKM. Sebahagian besar pelajar berasakan perbezaan dan manfaat proses pembelajaran dengan MBKM daripada sebelumnya.

Seterusnya, berdasarkan dapatan temu bual, didapati kelebihan dan kekurangan MBKM yang menggambarkan praktis kekuasaan dan ideologi MBKM. Di antara kelebihanannya menurut pelajar iaitu: i. mempunyai kawan baru dari universiti lain di luar kampusnya; ii. mendapatkan pengalaman dan suasana pembelajaran yang baru; iii. mendapatkan pengalaman belajar di luar kampusnya; iv. merasakan pengalaman belajar dengan pensyarah baru; v. mendapat ilmu baru; vi. merasakan lebih aktif dan interaktif di dalam kelas; vii. MBKM memiliki program yang pelbagai; viii. MBKM telah dijalankan dengan baik dan berkesan; ix. kelebihan MBKM dijalankan secara dalam talian; serta x. mendapatkan pengalaman belajar budaya di kawasan lain.

Praktis kekuasaan dan ideologi MBKM dibayangkan dengan penerapan MBKM pada seluruh pengajian tinggi di Indonesia. Pensyarah dan pelajar mesti menjalani PdPR dan melaksanakan semua program yang dianjurkan pemerintah. Salah satu program MBKM yang menjadi data wacana pedagogi ini ialah Program Pertukaran Pelajar (dan Pensyarah). Pelajar (kelas) yang ditunjuk sebagai model MBKM tidak dapat menolak apabila pengajian tinggi menentukan kelas berkenaan menjalankan pembelajaran di bawah MBKM selama minimum satu semester (hingga 3 semester). Pelajar mengemukakan bahawa mendapat pengalaman dan suasana baru melalui belajar di luar kampusnya, mendapat kawan baru, serta ilmu baru daripada pensyarah. Kelebihan tersebut bermakna telah sesuai dengan tujuan Program Pertukaran Pelajar yang digalakkan Kementerian Pendidikan dan Panduan Implementasi MBKM di pengajian tinggi (2020; 2023).

Praktis kekuasaan dan ideologi MBKM dari dimensi amalan wacana mencerminkan adanya intertekstualiti keberkaitan wacana MBKM dengan sejarah idea MBKM. Apabila melihat sejarah MBKM, secara falsafah, kesedaran, dan kebebasan dalam MBKM ini memiliki kaitan dengan konsep “Pendidikan Kaum Tertindas” (*Pedagogy of the Oppressed*) yang dicadangkan Paulo Freire (1970) dalam bukunya bertajuk “Pendidikan Kaum Tertindas” yang dirujuk aktivis pendidikan di seluruh dunia kerana menolak model pendidikan konvensional. Model ini menjadikan guru/pensyarah sebagai subjek yang mengetahui segala-galanya, manakala pelajar dijadikan sebagai objek yang tidak tahu apa-apa dalam proses PdP. Freire menyebutnya sebagai amalan “Pendidikan Gaya Bank”. Perkara ini menurut Freire merupakan manifestasi sebenar bentuk praktis ideologi penindasan terhadap pelajar supaya individu menjadi objek yang patuh, teratur, dan “mati” pemikiran kritisnya. Pendidikan menjadi “alat” kuasa. Perkara ini pernah berlaku di Indonesia semasa kurikulum 1968, 1975, 1984, dan 1994 (zaman Orde Baru) sangat kuat mengandungi pendoktrinan ideologi pendidikan dari pendidikan sekolah rendah hingga pendidikan tinggi di Indonesia (Safei & Hudaidah 2020). Pendoktrinan (‘indoktrinasi’) adalah sebuah proses yang dilakukan berdasarkan satu sistem nilai untuk menanamkan idea, sikap, sistem berfikir, tindakan, dan kepercayaan tertentu (Rofik

2022; Rangga 2020). Manakala pendidikan menurut Freire mesti berperanan membebaskan pelajar dari rasa takut dan tekanan akibat kekuasaan di dalam kelas, atau sistem pendidikan yang menindas, baik secara teoretis mahupun penerapannya (Muhammad Husni 2020). Oleh itu, Freire mencadangkan “Pendidikan Hadap Masalah” (*Problem-Posing Education*) untuk memperbaiki model “Pendidikan Gaya Bank” yang dianggap hanya melayan ideologi penindasan. “Pendidikan Hadap Masalah” bertumpu pada aspek interaksi langsung pelajar dengan realiti sebenar. “Pendidikan Hadap Masalah” ini akan berlaku hubungan timbal balik (*reciprocal*) antara pensyarah dengan pelajar. Pada suatu masa, pelajar akan berperanan sebagai pelajar sekaligus pensyarah, dan sebaliknya. Pensyarah belajar daripada pelajar dan pelajar belajar daripada pensyarah (Muhammad Husni 2020). Kedua-duanya memiliki peranan utama dalam pendidikan.

Demikian pula dengan MBKM. Pemerintah Indonesia mengadaptasi lahirnya MBKM berdasarkan “Pendidikan Hadap masalah”. Dalam MBKM, pelajar dihadapkan pada kehidupan dan pengalaman baru di luar kampusnya, memiliki kebebasan memilih kursus yang sesuai dengan minat dan keperluannya, serta dihadapkan langsung dengan permasalahan sebenar dan menghadapi cabaran untuk menyelesaikannya sendiri. Pelajar memiliki keberanian dan kecekapan berfikir kritis dan menilai keadaan dan persekitarannya. Ini sangat penting untuk “membongkar” ideologi penindasan yang terselindung di sebalik realiti pendidikan. Oleh itu, pendidikan yang mampu “melahirkan” pemikiran kritis merupakan suatu tuntutan yang mesti dijalankan. Pemikiran kritis pelajar yang wujud melalui proses pendidikan di bawah MBKM digunakan untuk membebaskan diri dari keadaan yang tidak menguntungkan, sehingga kumpulan (pelajar) yang selama ini “terpinggirkan” (*marginalized*) tidak akan diam untuk mengubah keadaannya menjadi lebih baik. Mereka akan memberi “perlawanan” dalam bentuk penilaian atau cadangan bagi perubahan pendidikan di bawah MBKM yang lebih baik. Maknanya, pendidikan yang memberi kebebasan sebagaimana MBKM ini merupakan suatu amalan kritikan ideologi (*the practice of ideological criticism*) daripada pelajar kepada pihak berkaitan.

Berkaitan dengan adanya kebebasan dalam amalan kritikan ideologi daripada pelajar mengenai implementasi MBKM di dalam kelas dan di luar kelas, pelajar pun tidak hanya menyampaikan aspek positif MBKM, namun, pelajar juga mengemukakan hal-hal dalam MBKM yang perlu ditambah baik. Pelajar merasakan adanya aspek negatif yang dianggap sebagai kekurangan MBKM, iaitu penyesuaian waktu kuliah; perbezaan zon waktu di Indonesia; persediaan kurang baik/sistem bertukar-tukar; kurangnya maklumat; pentadbiran/pendaftaran yang sukar; perbezaan RPS/bahan/tugasan pembelajaran; penyesuaian cara mengajar pensyarah; pembelajaran secara dalam talian; dan internet kurang stabil. Fadhol Sevima (2023) pula mengukuhkan dapatan temu bual pelajar mengenai kekurangan MBKM. Sevima mengemukakan bahawa MBKM tidak hanya memiliki kelebihan, tetapi terdapat juga kekurangan. Pertama, MBKM dianggap belum cukup persediaan. Bahkan, dikhuatiri program MBKM akan bertukar apabila ada pertukaran menteri pendidikan di Indonesia. Kedua, PdP belum terancang dengan baik. Peningkatan kualiti pendidikan di Indonesia dianggap masih banyak masalah. Ketiga, MBKM memerlukan sistem yang berstruktur dan sistematik serta sumber manusia yang tangkas dan berkemahiran. Sosialisasi mengenai MBKM diperlukan untuk semua pihak, terutamanya pelaksana MBKM, seperti pengajian tinggi, pensyarah, dan pelajar. Oleh itu, diperlukan pula persediaan yang cukup untuk mempersiapkan pakar dalam pelaksanaan MBKM.

Berdasarkan analisis dan perbincangan mengenai praktis kekuasaan dan ideologi dalam MBKM, dapat disintesis bahawa implementasi MBKM di dalam kelas telah memberi kesan positif bagi pelajar. Manakala implementasi dasar MBKM daripada Kementerian Pendidikan memberi kesan positif dan sedikit kesan negatif bagi pelajar. Praktis kekuasaan dan ideologi daripada Pemerintah Indonesia melalui MBKM terdedahkan dengan pendekatan AWK Fairclough (2013).

5. Kesimpulan

Kajian ini berjaya menambah baik kelompangan yang terdapat dalam kajian wacana pedagogi terdahulu yang telah menggunakan pendekatan AWK namun belum mengaitkan dengan kurikulum, serta kajian MBKM yang belum dianalisis dengan AWK. Kajian AWK yang pro-kurikulum ini berjaya membawa perubahan sosial yang menjadi falsafah dalam kajian wacana pedagogi MBKM ini, iaitu kekuasaan dan ideologi. Dalam sebuah dasar yang “ditanamkan” pemerintah, tidak selalunya mengandungi amalan negatif. Praktis kekuasaan dan ideologi daripada Kementerian Pendidikan melalui dokumen MBKM telah berjaya diimplementasikan pensyarah di dalam kelas kepada pelajar melalui huraian dimensi tekstual dan penafsiran amalan wacana. Pensyarah berjaya “menanamkan” ideologi MBKM kepada pelajar dalam PdP sehingga ada perubahan amalan berfikir pelajar menjadi lebih kritis dan berani mengemukakan pendapat dan pandangannya mengenai pelbagai permasalahan terkait bahan pembelajaran.

Kajian ini menyumbang maklumat bagi pensyarah lain dan pengajian tinggi mengenai proses sosial yang berlaku di bawah MBKM. Kajian wacana pedagogi dengan pendekatan AWK di bawah MBKM dapat memberikan cadangan dan saranan kepada penganjur kurikulum, sama ada pemerintah dapat memperkemas kurikulum atau menjadikan pelaksanaan MBKM ini sebagai praktik baik bagi pengajian tinggi lain. Selain itu, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada ilmu dan masyarakat pendidik di Indonesia dan di luar negara. Kajian ini dapat menjadi dorongan bagi pengkaji linguistik untuk mengkaji wacana pedagogi daripada perspektif linguistik dengan AWK di bawah kurikulum semasa. Kajian wacana pedagogi MBKM ini diharapkan dapat menjadi rujukan bagi pengkaji seterusnya yang turut memanfaatkan kerangka AWK Fairclough.

Rujukan

- Abeti, Mitiku Teshome. (2021). *Classroom Discourse Analysis*. Dlm. *ResearchGate.net.publication*, pp. 1-12.
- Achmad, Busrotun Nufus. (2022). Implementasi Kurikulum Merdeka Belajar Kampus Merdeka (MBKM) dalam pandangan filsafat pendidikan pragmatisme. *Jurnal Civic Education: Media Kajian Pancasila dan Kewarganegaraan* 6(2), pp. 30-39.
- Ariani, Br Perangin Angin. (2020). Analisis wacana kritis interaksi guru dan siswa dalam proses belajar mengajar di SMA Negeri 1 Medan. Tesis sarjana. Program Studi Linguistik, Program Pascasarjana, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara.
- Asrianti. (2019). Representasi kekuasaan dalam wacana kelas di sekolah menengah pertama. *Retorika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 12(1), pp. 14-24.
- Bhisma Murti. (2020). Berpikir kritis (*critical thinking*). Seri Kuliah Budaya Ilmiah, Fakultas Kedokteran Universitas Sebelas Maret. Dlm. *researchengenis.com*.
- Budi Herdiana. (2020). Strategi pembelajaran di kenormalan baru: resiko dan kesempatan. In Cut Rita Zahara & Iqbal Ridha (Ed.). *Penerapan Kurikulum Kampus Merdeka di Era Covid-19 dalam Perspektif Tenaga Didik*, pp. 49-58. *Kampus Merdeka Seri VI*. Syiah Kuala University Press.
- Chouliaraki, L. (1998). Regulation in ‘Progressivist’ Pedagogic Discourse: Individualized Teacher-Pupil Talk. *Discourse & Society*. 9 (1), 5-32.
- Creswell, John W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Third Edition. Sage.
- Dawson, Michael. (2001). *Black Visions. The Roots of Contemporary African-American Political Ideology*. The University of Chicago Press.
- Dewa Gede Bambang Erawan & Ida Ayu Made Wedasuwari. (2021). Analisis wacana kritis dalam wacana interaksi kelas. *Journal Binawakya* 15(6), pp. 4589-4596.
- Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi. (2020). *Buku Panduan Penyusunan Kurikulum Pendidikan Tinggi di Era Industri 4.0 untuk Mendukung Merdeka Belajar-Kampus Merdeka*. Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi (2023). *Panduan Implementasi Pembelajaran Berpusat pada Mahasiswa*. Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.

- Eko Cahyo Prawoto. (2022). Fairclough's critical discourse analysis on news texts on "Merdeka Belajar Kampus Merdeka (MBKM)" in *kompas.com*. *Bahasa: Jurnal Keilmuan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. 4(2), pp.60-71.
- Elsa Sabrina Br Barus, Jpeyakin Christo Manik, Lastri Sintauli Siahaan, Nuraini, & Fitriani Lubis. (2023). Analisis wacna kritis model Norman Fairclough pada laman babad.id tentang pergantian ke Kurikulum Merdeka. *Jurnal Ide Bahasa: Inspirasi Dosen Bahasa dan Sastra*. 5(1), pp.111-118.
- Fadhol Sevima. (2023). Kelebihan dan Kekurangan Merdeka Belajar-Kampus Merdeka. In *Sevima.com*.
- Fairclough, Norman. (1992). *Discourse and Social Change*. Polity Press.
- Fairclough, Norman. (2013). *Critical Discourse Analysis the Critical Study of Language. Second Edition (e-Book)*. Routledge.
- Freire, Paulo. (1970). *Pedagogy of the Oppressed*. Continuum.
- Hodge, B.R.I.V. & Kress, G.R. (1993). *Language and Ideology*. Routledge.
- Hoşgörür, T. & Yorulmaz, Y.İ. (2016). The effect of power sources used by lecturers in class management on the pre-service teachers' perceptions of fairness regarding their learning environment. *Cukurova University Faculty of Education Journal* 45(2), pp. 375-404.
- Inne Pelangi, Jufri, & Muh. Taufik. (2019). Representasi ideologi dalam wacana sosial dan relevansinya terhadap pengajaran wacana: kajian teori Teun A. van Dijk. In <http://eprints.unm.ac.id> pp.1-22.
- Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. (2024). Kampus Merdeka. Dalam kampusmerdeka.kemdikbud.go.id.
- Krisna Gupta. (2021). Sebuah catatan tentang Kampus Merdeka-nya Mas Menteri. 5 Juli. Krisna.or.id/post/nadiem
- Kucukaydin, Alkis M. (2019). Concept teaching in the science classroom: a critical discourse analysis of teachers' talk. *Journal of Education in Science, Environment, and Health*, Vol. 5(2), 209-226. <https://doi.org/10.21891/jeseh.568813>.
- Lia Yuliana. (2010). Keterampilan bertanya guru dalam mengelola proses belajar mengajar. *Fandasia*. 2(10): 96-105
- Lau, Richard, Richard Smith & Susan Fiske. (1991). Political beliefs, policy interpretations, and political persuasion. *The Journal of Politics* 53: 644-675
- Maman Suryaman. (2020). Orientasi pengembangan kurikulum Merdeka Belajar. *Prosiding Seminar dalam Jaringan Nasional: Pengembangan Kurikulum Merdeka Belajar. Program Studi Pendidikan Bahasa Indonesia*, 21 Oktober, pp. 13-28.
- Markus Deli Girik Alio et al. (2020). A critical discourse analysis on lecturers' language power (an ethnography study at a higher education). *Asian EFL Journal Research Articles*, 27(3), pp. 177-201.
- Martin, John Levi. (2015). What is ideology? *Sociologia, Problemas E Praticas*, 77, pp. 9-31.
- Muhammad Husni. (2020). Memahami pemikiran karya Paulo Freire "pendidikan kaum tertindas" kebebasan dalam berpikir. *Jurnal Al-Ibrah*, 5(2), pp. 41-60.
- Muhamad Komarudin & Imam Abdul Aziz. (2022). Persepsi mahasiswa terhadap implementasi Kurikulum Merdeka Belajar Kampus Merdeka (MBKM). *Tadbir Muwahhid* 6(2): 207-222.
- Muhammad R. Baharuddin. 2021. Adaptasi kurikulum Merdeka Belajar Kampus Merdeka (fokus model MBKM program studi). *Jurnal Studi Guru dan Pembelajaran* 4(1):195-205.
- Neng Lia Marlina, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Harishon Radzi. (2023). Kajian intertekstualiti menerusi bahasa dan kepimpinan. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 034-047.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof & Karim Harun. (2021). Kajian lakuan bahasa di Malaysia: Analisis terhadap trend data. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 96-110.
- Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Nombor 3 Tahun 2020 Pasal 12 tentang Standard Nasional Pendidikan Tinggi.
- Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Nombor 3 Tahun 2020 Pasal 13 tentang Standard Nasional Pendidikan Tinggi.
- Rahmatika, L. & Malikatul Laila. (2021). Discourse structure of classroom session during Covid-19 pandemic. *Ethical Lingua* 8(1): 218-227
- Rangga. (2020). Kampus Merdeka dan pandemi Covid-19: perlunya kesiapan untuk berubah. In Cut Rita Zahara & Iqbal Ridha (Ed.). *Penerapan Kurikulum Kampus Merdeka di Era Covid-19 dalam Perspektif Tenaga Didik*, pp. 27-36. *Kampus Merdeka Seri VI*. Syiah Kuala University Press.
- Renkema, Jan. (2004). *Introduction to Discourse Studies*. John Benjamins Publishing Company.
- Richards, J.C. & Schmidt Richard. (1992). *Longman Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. Essex: Longman.

- Rodiyah, R. (2021). Implementasi Program Merdeka Belajar Kampus Merdeka di era digital dalam menciptakan karakter mahasiswa hukum yang berkarakter dan profesional. *Prosiding Seminar Nasional Hukum Universitas Negeri Semarang*, 7(2): 425-434.
- Rofik Aksan. (2022). Kekuasaan dan politik lembaga pendidikan Islam. *Al-Hiwar: Jurnal Ilmu dan Teknik Dakwah* 10(1): 17-27.
- Roscoe, Karen D. (2019). Critical discourse analysis and social work from: *The Routledge Handbook of Critical Social Work*. Routledge.
- Safei & Hudaidah. (2020). Sistem pendidikan umum pada masa orde baru (1968-1998). *Jurnal Humanitas*, 7(1), pp. 1-13.
- Sigit Priatmoko & Nilna Iqbal Dzakiyyah. (2020). Relevansi Kampus Merdeka terhadap kompetensi guru era 4.0 dalam perspektif experiential learning theory. *At-Thullab: Jurnal Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*, 4(1), pp. 1-15.
- Stake, Robert E. (1995). *The Art of Case Study Research*. Amerika: Sage Publication.
- Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2007). Penggunaan sumber kuasa guru besar dari perspektif guru. *Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Malaysia*, pp. 1-24.
- Tian, Wenwen & Dumlao, R.P. (2020). Impacts of positioning, power, and resistance on EFL learner identity construction through classroom interaction: a perspective from critical discourse analysis. *The Qualitative Report*, 25(6), pp. 1436-1460.
- Werlich, Egon. (1975). *Typologie der Texte: Entwurf eines Textlinguistischen Modells zur Grundlegung einer Textgrammatik*. Quelle & Meyer.
- Wodak, Ruth. (1996). *Disorders of Discourse*. Longman.

Biodata Penulis

- N. Lia Marlina** merupakan alumni M.Phil. dan Ph.D. Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tesis dalam bidang kajian analisis wacana kritis, serta sebagai pensyarah kanan di Universitas Negeri Jakarta.
- Mohammad Fadzeli Jaafar (Prof. Madya Dr.)** merupakan pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan dalam bidang linguistik, stilistik dan analisis wacana, pragmatik, dan sosiolinguistik.
- Harishon Radzi (Dr.)** merupakan pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan dalam bidang linguistik dan komunikasi, morfologi, geolinguistik, dan linguistik terapan.